

Undang2 penggunaan bahasa perlu dikaji semula - PM

DFC 137

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata **peruntukan undang - undang** dan peraturan berhubung dengan penggunaan bahasa perlu dikaji semula **bagi** memperkukuhkan penggunaan bahasa Malaysia dalam urusan rasmi dan **bagi** melaksanakan dasar bahasa kebangsaan sepenuhnya.

Bagaimanapun, tegas Perdana Menteri, **kajian** tersebut hendaklah dibuat **tanpa** menyentuh persefahaman antara kaum yang dicapai semasa perjuangan kemerdekaan. Di **samping** itu, katanya, **kaji selidik** perlu diadakan **untuk** mengetahui **kemajuan dan pencapaian** serta mengenalpasti masalah utama dalam pelaksanaan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di sektor awam.

Oleh Hassan Mohd. Noor

Berucap melancarkan 'Gerakan Cintailah Bahasa Kita' di Hotel Shangri-La di **sini hari ini**, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, **kajian juga** perlu dilakukan dalam sektor **swastadan** dalam bidang profesional seperti perundangan, kehakiman, kejuruteraan, perubatan, perindustrian dan perdagangan serta menyusun **rancangan tindakan** untuk mengatasi **masalah - masalah** yang dihadapi.

Beliau **juga** berkata, rakyat perlu menerima bahasa Malaysia sebagai **lambang prestij** (mertabat) bangsa **dan** negara serta **menjadikannya** bahasa perhubungan yang berkesan di antara pelbagai kaum di negara **ini**. Sikap rakyat harus berubah dari sekadar melihat **dan** menggunakan bahasa Malaysia untuk urusan yang **mudah - mudah** atau untuk berkomunikasi dengan kerajaan semata - **mata** kepada penerimaannya sebagai **lambang prestij bangsa** dan negara, ujarinya.

Beliau berkata, perasaan 'cinta yang sejati' atau 'cinta yang suci' atau 'cinta yang tulus ikhlas' di dalam hati sanubari setiap rakyat Malaysia terhadap bahasa kebangsaan **perlu** dipupuk dan dikembangkan dengan **amalan**.

"Amalanlah yang menjadi bukti perasaan cinta, **memberi** keyakinan kepada **kita** untuk **terus** mencintai bahasa **kita**. **Tanpa** mengamalkannya sukar hendak menyakinkan diri sendiri dan orang lain bahawa **kita** mencintai bahasa kebangsaan," katanya. Perdana Menteri percaya bahawa gerakan yang dilancarkan **itu** mempunyai hikmatnya tersendiri **bagi** menimbulkan kesedaran cintakan bahasa kebangsaan.

Menurut beliau, perasaan cinta terhadap bahasa perlu diamal **tanpa** paksaan oleh **mana-mana** pihak dan dalam hubungan ini, **Perdana** Menteri menggesa semua

LIHAT MIKA 6

SAMBUTAN DARI MUKA :

Undanga penggunaan bahasa perlu dikaji semula - PM

UM 12 DEC 1987

pihak terutama di sektor swasta menggunakan lebih banyak bahasa Malaysia dalam urusan mereka.

Katanya, **sama** ado dalam tulisan atau **lisan**, mereka harus menggunakan bahasa Malaysia dalam urusan dengan masyarakat bukan sekadar dalam **urusan** rasmi dengan kerajaan **sahaja**.

Perdana Menteri seterusnya menegaskan bahawa kedudukan dan taraf bahasa **Malaysia** di risi undang - undang tidak seharusnya dipersoalkan **lagi**, begitu **juga** bahasa - bahasa kaum lain **seperti** bahasa Cina dan bahasa **Tamil**.

"**Dalam** **amalan** pun, tidak **pernah** **kita** melarang orang menggunakan, mempelajari atau mengajar bahasa - bahasa yang lain dari bahasa Malaysia, **amalan** ini adalah unik. Di negara - negara majupun sikap liberal **ini** jarangkali diamalkan," katanya. Dalam hubungan ini, beliau menegaskan bahawa bahasa tidak akan dibenarkan menjadi **isu** perkauman yang boleh menjejaskan kestabilan dan **perpaduan** negara kerana kedudukan dan taraf setiap bahasa yang wujud di negara **ini** telah disepakati **bersama**.

Menurut beliau, generasi baru sudah **dapat** menguasai bahasa Malaysia dengan baik dan penggunaannya menjadi lebih penting **tanpa** menjejaskan komunikasi antara satu pihak dengan pihak lain kerana semua **pihak** sudah menguasai bahasa kebangsaan.

"**Dengan** **setu** bahasa **sahaja**, iaitu bahasa kebangsaan **kita** sudah boleh berhubung dengan semua rakyat dan

penduduk **Malaysia**, katanya.

Katanya, kepentingan dan **keperluan** bahasa **Inggeris** tidak dinafikan dalam kebanyakan urusan pentadbiran dan perniagaan di **sektor** swasta terutama di syarikat - syarikat **besar** yang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan dunia antarabangsa.

Bagaimanapun, **apa** yang dipersoalkan ialah penggunaan bahasa Inggeris secara **besar-besaran** dengan membelakangkan bahasa kebangsaan **sama** sekali dan **ini** menunjukkan bahawa **kita** tidak berbangga dan tidak mencintai bahasa kebangsaan.

Amalan ini, menurut **Perdana** Menteri, **amat** ketara di **pusat - pusat** membeli - **belah** dan di sesetengah tempat awam, masih **adapapan** tanda perniagaan dan **pengiklanan** yang tidak mendaulatkan bahasa kebangsaan dan menggunakan bahasa yang tidak tepat.

"**Saya** syak **amalan** ini

limbul akibat kurang keyakinan akan kedudukan dan keupayaan bahasa kebangsaan. Sikap ini **perlu**lah dikikis, tidak **ada** kekurangan dalam bahasa kebangsaan **kita** untuk **opo** **juga** **jurusan** komunikasi," tegosnya.

Perdana Menteri **juga** berkata, pihak perancang dan **pengembang** bahasa hendaklah **memberi** perhatian utama dalam membina semula atau memupuk kecintaan rakyat terhadap bahasa kebangsaan.

Dewan Bahasa dan Pustaka, misalnya hendaklah memainkan peranan lebih besar untuk **memperluas** dan mengawal penggunaan bahasa kebangsaan di **samping** peranan pertubuhan sukarela dan pertubuhan bahasa serta sastera.

Bagi pihak **kerajaan** pula, penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di sektor awam sudah mencapai tahap **penggunaan** yang menyeluruh **tetapi** mutu bahasa rasmi **kerajaan** dikatakan **belum** mencapai tahap membanggakan.